

TUKANG KUBUR
Large-tailed Nightjar

FAMILI: Caprimulgidae
NAMA SAINTIFIK: *Caprimulgus macrurus*



CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai saiz yang besar dengan bahagian atas kepala agak pudar dan terdapat jalur-jalur halus berwarna gelap. Bahagian skapular sayap berwarna hitam dengan bahagian tepinya berwarna kuning kemerahan ke putih-kuning kemerahan. Terdapat jalur-jalur putih merentasi sayap, tompokan putih ke kuning kemerahan-putih di bahagian bawah tekak manakala bahagian ekor berwarna kelabu-coklat. Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 31.5-33.0 sm.

MAKANAN

Kumbang, semut, serangga kecil dan serangga yang berterbangan di udara.

HABITAT

Kawasan terbuka, hutan sekunder dan kawasan perladangan. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 2,135 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi kawalan kawasan yang kuat iaitu *chaunk* dan juga *chuck*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan daripada bulan Januari hingga November pada sepanjang tahun. Spesies ini tiada sarang dan telur hanya diletakkan di atas tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur dan telur adalah berwarna krim ke merah jambu pudar dengan bintik-bintik berwarna coklat kemerahan dan keunguan. Anggaran saiz telur adalah (26.5 x 19.9) mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.